

27 JULAI 2017

## Polis tahan pelayan bar token dadah

### Polis tahan pelayan bar jadi token dadah

**GEORGETOWN** - Cari duit tepi! Itu yang dilakukan seorang pelayan bar apabila dia dikesan menjual dadah bagi mencari pendapatan sampingan.

Bagaimanapun, perbuatan wanita berusia 31 tahun itu terbongkar apabila dia diberkas sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut di sebuah pangsapuri di Bandar Baru Ayer Itam, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan yang dilakukan di rumahnya kira-kira jam 3.25 petang itu, polis menemui 2,692 gram (g) ketamin, syabu (550g), 120 pil eramin 5, 43 biji *ecstasy* dan 3.2 gram syabu di mana jumlah kesemuanya dianggarkan bernilai RM163,000.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, ser-



Anuar (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas.

buan dilakukan hasil risikan dan intipan sejak beberapa minggu lalu dan wanita terbabit dipercayai aktif melakukan kegiatan pengedaran dadah itu sejak enam bulan lalu.

"Selain mempunyai pelanggan tetap, suspek juga turut menjadikan pengunjung di pusat hiburan tempatnya bekerja sebagai pelanggan.

"Kita percaya suspek

memperoleh bekalan dadah itu daripada sindiket lain," katanya pada sidang media di sini semalam.

Anuar berkata, ujian saringan air kencing yang dilakukan terhadap suspek juga didapati positif dadah.

"Wanita itu kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.